

Nasihat & Soalan Lazim Perjalanan Berkaitan Isu Semasa di Timur Tengah

Perjalanan yang bermula sebelum 28 Februari 2026	Perjalanan yang bermula selepas 28 Februari 2026
<p>Perjalanan yang bermula sebelum 28 Februari 2026 (sebelum berlakunya peperangan), pelanggan masih boleh mengemukakan tuntutan. Setiap tuntutan akan dinilai berdasarkan punca kejadian serta tertakluk kepada terma dan syarat Polisi/Sijil.</p> <p>Tuntutan yang berpunca secara langsung daripada peperangan, rusuhan awam, larangan atau sekatan perjalanan oleh kerajaan, atau kejadian lain yang dikecualikan tidak akan dilindungi di bawah Polisi/Sijil. Walau bagaimanapun, tuntutan yang tidak berkaitan dengan konflik masih dipertimbangkan, dan tertakluk kepada terma dan syarat Polisi/Sijil.</p>	<p>Perjalanan yang bermula selepas 28 Februari 2026 (selepas Pengumuman Nasihat Perjalanan oleh Kerajaan), tuntutan masih boleh dikemukakan. Walau bagaimanapun, semua manfaat akan dinilai dengan mengambil kira pengecualian berkaitan peperangan, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi/Sijil.</p>

Nota: Untuk sebarang nasihat perjalanan ke mana-mana negara, sila rujuk maklumat terkini di portal rasmi [Kementerian Luar Negeri Malaysia](#).

1. Jika saya pergi ke Timur Tengah disebabkan konflik yang sedang berlaku, adakah saya dilindungi? Bolehkah saya membatalkan Polisi/Sijil untuk mendapatkan bayaran balik?

Tidak. Polisi/Sijil perjalanan kami tidak melindungi kerugian yang timbul daripada:

- ✗ Peperangan, pencerobohan, atau ancaman peperangan
- ✗ Rusuhan awam
- ✗ Larangan atau sekatan perjalanan oleh kerajaan
- ✗ Peristiwa yang sudah diketahui sebelum anda mendaftar Polisi/Sijil

Jika anda belum memulakan perjalanan, anda boleh membatalkan Polisi/Sijil melalui **aplikasi Etiqa+** (tersedia di [Google Play Store](#) dan [Apple App Store](#)) dan menerima bayaran balik penuh, dengan syarat tiada sebarang tuntutan telah dibuat.

2. Penerbangan asal saya ke Timur Tengah dijadualkan esok pada pukul 5:00 petang. Hari ini saya menerima notifikasi daripada syarikat penerbangan bahawa penerbangan saya telah dijadualkan semula keesokan harinya pada pukul 11:00 pagi. Adakah ianya akan dilindungi di bawah Polisi/Sijil perjalanan saya?

Kelewatan tersebut tidak akan dilindungi jika anda telah dimaklumkan mengenainya dua belas (12) jam atau lebih sebelum waktu pelepasan asal yang dijadualkan.

3. Jika saya sedang dalam perjalanan dan tidak dapat pulang kerana penerbangan saya dibatalkan atau dijadualkan semula akibat konflik yang sedang berlaku di Timur Tengah, adakah manfaat Sumbangan Automatik akan terpakai dalam situasi saya?

Tidak. Manfaat Sumbangan Automatik tidak terpakai dalam situasi ini. Walau bagaimanapun, anda boleh mengemukakan tuntutan melalui **aplikasi Etiqa+** (tersedia di [Google Play Store](#) dan [Apple App Store](#)). Sebarang tuntutan yang dikemukakan akan dinilai berdasarkan terma dan syarat Polisi/Sijil.

4. Jika perjalanan saya ke Timur Tengah masih belum bermula dan saya memutuskan untuk tidak meneruskan perjalanan atas faktor keselamatan, bolehkah saya membatalkan Polisi/Sijil saya?

Ya. Bayaran balik penuh premium/sumbangan akan diberikan sekiranya Polisi/Sijil dibatalkan sebelum tarikh Polisi/Sijil berkuat kuasa, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- Pembatalan adalah berkaitan secara langsung dengan peningkatan konflik di Timur Tengah, termasuk gangguan di lokasi transit yang terjejas (contohnya penutupan lapangan terbang, penerbangan sambungan digantung, atau laluan penerbangan diubah melalui kawasan yang terjejas).
- Tiada tuntutan telah dikemukakan di bawah Polisi/Sijil tersebut.
- Permohonan bayaran balik dibuat dalam tempoh konflik tersebut masih aktif menjejaskan perjalanan.
- Perjalanan belum bermula pada masa permohonan pembatalan dibuat.

5. Saya melakukan perjalanan dengan transit di Timur Tengah. Jika penerbangan saya lewat atau dibatalkan semasa transit disebabkan situasi di sana, adakah saya masih dilindungi di bawah Polisi/Sijil perjalanan saya?

Tidak. Anda tidak akan dilindungi sekiranya gangguan tersebut berpunca daripada peristiwa yang disenaraikan di bawah Pengecualian Am Polisi/Sijil, seperti peperangan, rusuhan awam, larangan perjalanan oleh kerajaan, penutupan ruang udara, atau peristiwa yang telah diketahui sebelum anda mendaftar Polisi/Sijil tersebut.

6. Hari ini adalah hari terakhir perjalanan saya ke Timur Tengah di bawah perlindungan insurans/takaful saya. Penerbangan pulang saya dijadualkan pada hari ini, tetapi syarikat penerbangan telah membatalkan dan menjadualkan semula penerbangan tersebut ke esok hari. Saya kini terkandas. Adakah Polisi/Sijil saya akan melindungi kos tambahan seperti hotel dan makanan akibat kelewatan ini?

Tidak. Jika kelewatan tersebut berlaku selepas Polisi/Sijil anda telah tamat tempoh, sebarang perbelanjaan tambahan seperti penginapan hotel atau makanan tidak akan dilindungi.

- 7. Saya kini terkandas kerana syarikat penerbangan telah membatalkan penerbangan saya. Saya faham bahawa manfaat Sambungan Automatik tidak terpakai selepas tempoh perlindungan insurans/takaful perjalanan saya tamat. Adakah ini bermaksud saya tidak boleh membuat sebarang tuntutan bagi perkara seperti kelewatan bagasi, kerosakan bagasi, atau perbelanjaan perubatan yang berlaku selepas perlindungan Polisi/Sijil saya tamat?**

Ya. Jika manfaat Sambungan Automatik tidak terpakai, sebarang tuntutan bagi kejadian yang berlaku selepas tempoh perlindungan Polisi/Sijil tamat tidak akan dilindungi.

Walau bagaimanapun, anda boleh mendaftar Polisi/Sijil baharu sebelum perlindungan asal tamat sekiranya anda memerlukan perlindungan bagi tempoh lanjutan perjalanan anda.

- 8. Saya kini terkandas di Timur Tengah akibat konflik yang sedang berlaku dan syarikat penerbangan telah menjadualkan semula penerbangan saya, namun saya masih belum menerima pengesahan tarikh pelepasan baharu. Jika penerbangan baharu saya dijadualkan berlepas selepas tempoh perlindungan insurans/takaful perjalanan saya tamat, bolehkah saya memohon lanjutan perlindungan dengan membayar premium/sumbangan tambahan supaya saya terus dilindungi sepanjang tempoh lanjutan tersebut?**

Tiada lanjutan automatik dibenarkan bagi situasi ini. Walau bagaimanapun, anda boleh memohon untuk mendaftar Polisi/Sijil baharu bagi melindungi tempoh lanjutan tersebut sebelum Polisi/Sijil asal anda tamat tempoh. Anda perlu memilih negara yang sama seperti yang dinyatakan dalam Polisi/Sijil anda yang hampir tamat tempoh. Semua manfaat di atas adalah tertakluk kepada terma dan syarat Polisi/Sijil.

- 9. Bilakah perlindungan perjalanan saya ke Timur Tengah akan dilanjutkan secara automatik?**
Polisi/Sijil ini tidak menyediakan sambungan automatik dalam situasi ini.

- 10. Bolehkah saya membuat tuntutan jika syarikat penerbangan membatalkan penerbangan saya ke Timur Tengah dan tidak memberikan tarikh perjalanan baharu atau bayaran balik sebelum saya memulakan perjalanan?**

Tidak. Jika pembatalan tersebut berpunca daripada peristiwa yang dikecualikan, seperti peperangan, konflik politik, atau peristiwa yang telah diketahui sebelum anda mendaftar Polisi/Sijil, tuntutan tersebut tidak akan dilindungi.

- 11. Jika penerbangan saya lewat semasa perjalanan ke Timur Tengah, adakah Polisi/Sijil hanya melindungi kelewatan penerbangan, atau adakah perbelanjaan tambahan seperti penginapan hotel juga akan dilindungi?**

Jika kelewatan tersebut disebabkan oleh peperangan, rusuhan awam, atau peristiwa berkaitan di Timur Tengah, ia tidak akan dilindungi di bawah Polisi/Sijil.

- 12. Saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut mengapa manfaat Pembatalan Perjalanan saya tidak dilindungi. Berdasarkan Polisi/Sijil, situasi semasa di Timur Tengah kelihatan termasuk di bawah Sebab Tertentu – Item E, yang mencadangkan bahawa Pembatalan Perjalanan sepatutnya dilindungi. Bolehkah anda jelaskan mengapa situasi ini tidak dilindungi di bawah Polisi/Sijil saya?**

Manfaat Pembatalan Perjalanan di bawah Sebab Tertentu hanya terpakai sekiranya semua syarat yang dinyatakan dalam Polisi/Sijil dipenuhi.

Walau bagaimanapun, situasi semasa tidak dilindungi sekiranya ianya melibatkan:

- ✘ Peperangan, konflik politik, atau ancaman peperangan
- ✘ Peristiwa yang telah diketahui sebelum anda mendaftar Polisi/Sijil
- ✘ Nasihat atau sekatan perjalanan oleh kerajaan
- ✘ Keputusan peribadi untuk tidak melakukan perjalanan atas sebab kebimbangan atau langkah berjaga-jaga

Situasi ini termasuk di bawah Pengecualian Am Polisi/Sijil, dan ianya tidak dilindungi.